

RUU Mufti Wilayah perlu didukung tanpa dipengaruhi isu furu'

Muhammad Saufi Hassan
saufi@mediaprima.com.my



Mufti Sabah, Datuk Bungsu Aziz Jaafar ketika mengampati ucapan sempena Konvensyen Perpaduan Umat Islam di Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin, Putrajaya. FOTO Ihsan Pengajar

Kuala Lumpur: Rang Undang-Undang (RUU) Mufti Wilayah Persekutuan (MWP) perlu didukung semua pihak tanpa dipengaruhi oleh isu politik, peribadi serta perbezaan pandangan cabang dalam agama.

Perkara itu dinyatakan oleh hampir 10 pertubuhan bukan kerajaan (NGO) serta mufti negeri ketika Konvensyen Perpaduan Umat Islam 2024 di sini, hari ini.

Untuk rekod, bacaan kali kedua untuk RUU MWP berkenaan dijangka akan dilakukan pada sesi Parlimen pada bulan ini.

Perwakilan Ilmuwan Ahli Sunnah Wal Jamaah Malaysia (Islami), Dr Syed Shahridzan Syed Mohamed ketika membacakan resolusi konvensyen itu menjelaskan bahawa perbezaan pandangan dalam akidah, fiqh atau tasawuf antara asatizah mesti diuruskan dengan hikmah serta adab bagi mengelakkan perpecahan.

"Agensi agama persekutuan seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) dan Institusi Kefahaman Islam Malaysia (Ikim) perlu mengikut keputusan Majlis Kebangsaan dan Majlis Raja-Raja untuk mengelakkan perpecahan umat Islam.

"RUU MWP perlu diluluskan segera, mengikuti jejak negeri lain yang sudah meluluskan undang-undang sama.

"Ia tidak mengganggu hak orang bukan Islam atau negeri-negeri lain seperti Sabah dan Sarawak sebaliknya RUU ini adalah adalah penambahbaikan kepada akta sedia ada yang tidak mengganggu hak orang bukan Islam," katanya.

Hadir sama sempena konvensyen itu adalah Mufti Wilayah Persekutuan, Profesor Madya Datuk Dr Luqman Abdullah; Mufti Pahang, Prof Madya Datuk Dr Asmadi Mohamed Naim; Mufti Sabah, Datuk Bungsu Aziz Jaafar dan Mufti Perak, Datuk Seri Wan Zahidi Wan Teh.

RUU MWP berkenaan akan memperincikan takrifan Ahli Sunnah Wal Jamaah mengikut daripada sudut akidah bersumberkan aliran Al-Asyairah serta Al-Maturidiah, fiqh Mazhab Imam Syafie dengan meraikan tiga Mazhab lain dan tasawuf Imam Ghazali dan Imam Junaid al-Baghdadi.